

## **Bahasa Melayu Lingua Franca UKM? Penggunaan Bahasa Melayu Merentasi Etnik Malaysia**

### **Malay as UKM's Lingua Franca? Malay Language Usage Across Malaysian Ethnicities**

Amirul Mukminin Mohamad\*, Puteh Noraihan A. Rahman, Zuraini Mohaidin  
School of Liberal Studies (CITRA-UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 46300 Bangi, Selangor Malaysia

Submitted: 1/9/2024. Revised edition: 19/11/2024. Accepted: 9/12/2024. Published online: 15/12/2024

#### **ABSTRAK**

Iklan merupakan suatu perihal menghebahkan atau memberitahu khalayak tentang sesuatu penghasilan produk dan perkhidmatan. Kebanyakan pengusaha atau pengiklan menggunakan media massa seperti televisyen untuk mempromosikan hasil produknya. Secara tidak langsung, lakuan pertuturan sebenarnya banyak diterapkan dalam ujaran para pengusaha, namun sukar untuk ditentukan jenis lakuan pertuturannya kerana kekeliruan dan kekurangan pemahaman tentang lakuan pertuturan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis lakuan pertuturan dalam iklan perniagaan D'herbs (seterusnya DH) dan Siti Khadijah (seterusnya SK) dalam rancangan Wanita Hari Ini (WHI) mengikut kriteria taksonomi Searle (1969). Kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan teks digunakan sebagai pendekatan kajian untuk mengumpul data mengenai jenis-jenis lakuan pertuturan. Kaedah ini dipilih kerana setiap ujaran bagi setiap pengusaha undangan dan pengacara dalam rancangan tersebut akan diteliti dan dikategorikan mengikut jenis lakuan pertuturan teori Searle (1969). Ujaran peserta kajian akan ditranskrip daripada audio kepada teks dengan menggunakan kaedah transkripsi. Data utama kajian diperoleh daripada rancangan WHI sebagai platform utama di samping iklan DH dan SK. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan jenis lakuan pertuturan yang dinyatakan oleh Searle (1969), iaitu asertif, ekspresif, direktif dan komisif diaplikasikan oleh para penutur. Setiap ujaran menandakan satu bentuk arahan yang mendorong pendengar untuk mengambil tindakan berdasarkan hajat komunikatif penutur. Kajian ini diharapkan mampu menjadi sumbang saran kepada pengusaha-pengusaha untuk menggunakan ujaran yang menggabungkan lakuan pertuturan yang sesuai sejajar dengan kebolehan kognitif penonton, sekali gus memastikan lakuan ilokusinya difahami oleh pelanggan dengan jelas. Teori lakuan pertuturan Searle (1969) didapati amat sesuai untuk meningkatkan kefahaman khalayak tentang maksud komunikatif penutur. Justeru, penyampaian maklumat yang berkesan dengan menggunakan lakuan pertuturan yang tepat mampu memberi impak positif kepada negara dan masyarakat secara amnya, sekali gus menyumbang kepada wacana yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, kajian ini menjadi suatu keperluan untuk dijalankan atas impak positifnya.

*Kata kunci:* Lakuan pertuturan, iklan perniagaan, Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969), pengusaha, media massa

#### **ABSTRACT**

This study investigates the frequency of Malay language usage among multi-racial students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in interpersonal and public communications. A quantitative survey of 284 undergraduate students was conducted, utilizing a five-point Likert scale questionnaire to assess Malay language proficiency and usage. The findings reveal a disparity in Malay language usage across different social contexts. While Malay is frequently employed among peers, its prevalence diminishes in interactions with strangers and in public settings such as shopping malls and healthcare facilities. Moreover, the study underscores

---

\*Correspondence to: Amirul Mukminin Mohamad (email: [mieroll@ukm.edu.my](mailto:mieroll@ukm.edu.my))

the continued dominance of English in certain aspects of respondents' communication and daily affairs at UKM. These results highlight a need for targeted initiatives to promote Malay language usage among UKM students, particularly in domains where its prevalence is lower. Such interventions could contribute to strengthening linguistic diversity and fostering national unity within the Malaysian community.

*Keywords:* Malay Language, Lingua Franca, Communication, UKM

## PENGENALAN

beberapa akta pendidikan negara seperti Akta IPTS 1996 telah diluluskan oleh parlimen dan masih berkuat kuasa hingga kini. Akta pendidikan ini bertujuan untuk memantapkan sistem pendidikan negara khususnya pada peringkat pendidikan tinggi. Semua perkembangan ini telah membawa perubahan yang besar terhadap bahasa Melayu di Malaysia. Nilai bahasa Melayu menjadi tinggi kerana kebanyakan peluang pekerjaan di sektor awam mewajibkan pemohonnya lulus sekurang-kurangnya dengan kredit bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (Mohd Sohaimi Esa *et al.*, 2021). Dalam konteks ini, semua urusan dengan agensi kerajaan juga perlu menggunakan bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan wujudnya kesedaran dalam diri generasi muda daripada pelbagai keturunan untuk berusaha belajar dan menggunakan bahasa Melayu dengan sebaiknya. Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pula, pensyarah daripada aneka disiplin ilmu turut mempelajari dan cuba menguasai bahasa Melayu dan menterjemahkan bahan-bahan pengajaran daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Sebagai usaha jangka panjang, negara perlu memajukan bahasa kebangsaan dengan menjadikan bahasa sebagai agenda utama untuk pembangunan negara melalui kewujudan lebih banyak bahan bacaan, rujukan serta istilah dalam bidang sains, teknologi, pertanian dan pembangunan prasarana. Dalam konteks ini, tenaga kepakaran, ahli akademik serta para pemikir di institusi pengajian tinggi dalam bidang berkaitan perlu bekerjasama dan menggalas peranan untuk melahirkan serta menghasilkan kepelbagaian naskah bacaan berbahasa Melayu dalam disiplin ilmu yang berkaitan supaya bahasa Melayu dapat terus berkembang seiring dengan kemajuan dunia ilmu pengetahuan.

Dasar kerajaan yang dibentuk untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seharusnya menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia. Berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dikuasai oleh semua warganegara tanpa mengira kaum dan lapisan masyarakat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2024). Permasalahan mengenai isu bahasa kebangsaan ini sering dijadikan polemik dan isu baik dalam institusi pendidikan, sosial mahupun politik. Memetik laporan Berita Harian bertarikh 5 Januari 2024, insiden seorang wanita yang mendakwa diherdik seorang pegawai imigresen kerana tidak boleh berbahasa Melayu telah menjadi perdebatan hangat, sedangkan sudah menjadi tanggungjawab seorang rakyat Malaysia untuk berupaya berbahasa Melayu (Berita Harian, 2024). Rasionalnya, seorang rakyat Malaysia yang membesar dalam kepelbagaian budaya yang berpaksikan bahasa Melayu semenjak di bangku sekolah sehinggalah ke menara gading seharusnya lebih cakna dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca.

Di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar masih terdapat kelemahan. Ketidakfasihan dan penguasaan kosa kata yang terhad menjadikan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang lisan menjadi terbatas. Hal ini dapat dilihat dalam situasi harian yang berlaku di dalam bilik kuliah. Menurut Low Jie Ying (2024), murid-murid Cina di SJKC dan SK

mempunyai masalah sebutan kerana kurang membaca buku atau bahan bacaan bahasa Melayu disebabkan oleh faktor kebudayaan, pengaruh rakan dan keluarga.

Dalam aspek lisan pula, terdapat kelemahan penggunaan bahasa Melayu terutama semasa pelajar membentangkan tugas di dalam kelas mahupun semasa sesi lisan lain seperti soal-jawab dan pengucapan awam. Kelemahan yang biasa berlaku adalah seperti percampuran kod bahasa, penggunaan kata sapaan dan rujukan hormat, pemilihan kata yang sesuai dan slanga. Dalam konteks ini, kekangan dalam penguasaan komunikasi bahasa Melayu yang baik tidak hanya berlaku dalam kalangan masyarakat bukan Melayu, tetapi dalam masyarakat Melayu itu sendiri baik dalam pertuturan mahupun penulisan (Irma Wani *et al.*, 2022). Selain itu, pelajar-pelajar Melayu sering beranggapan bahawa mereka tidak perlu mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda mereka, bahkan boleh dikatakan semua orang Melayu telah menggunakan bahasa Melayu sejak kecil, mengikut pertuturan masyarakat sekeliling. Pembelajaran bahasa Melayu tidak dititikberatkan kerana masyarakat Melayu beranggapan bahawa mereka sudah menguasai kemahiran menggunakan bahasa Malaysia memandangkan mereka boleh bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu. Sebenarnya orang Melayu perlu sedar bahawa anggapan sedemikian adalah tidak benar. Bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan harian tidak sama dengan struktur bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa ilmu dalam situasi formal. Keadaan ini berbeza sama sekali.

Kelemahan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi masih perlu ditambah baik dan diperluaskan dalam usaha untuk mewujudkan budaya penggunaan yang bahasa Melayu yang baik dan betul. Oleh yang demikian, satu kajian rintis telah dilakukan terhadap pelajar dengan berfokus kepada pelajar berbangsa Melayu untuk melihat aspek penggunaan bahasa kebangsaan dalam situasi harian.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam interaksi harian bersama orang sekeliling seperti keluarga dan kawan-kawan. Hal ini disebabkan oleh pemerhatian awal pengkaji dalam interaksi harian pelajar berbilang bangsa di UKM yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang pelbagai, selain bahasa Melayu. Kajian bagi mendapatkan kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam urusan harian di tempat awam perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap pengamalan bahasa kebangsaan pelajar dalam kehidupan harian. Objektif yang terakhir adalah menganalisis kecenderungan penggunaan bahasa lain dalam interaksi harian oleh pelajar selain Bahasa Melayu bagi tujuan melihat kewujudan bahasa lain yang mendominasi tabiat komunikasi harian.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan dalam kajian ini. Pertama, bagaimanakah tahap kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar berbilang etnik UKM dalam interaksi harian bersama keluarga dan kawan-kawan? Kajian ini akan meninjau kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam interaksi harian bersama orang sekeliling seperti keluarga dan rakan. Kedua, bagaimanakah tahap

kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam urusan harian di tempat awam? Kajian ini akan memperlihatkan kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam urusan harian di tempat awam. Persoalan yang terakhir ialah apakah kecenderungan bahasa lain yang digunakan dalam interaksi pelajar selain Bahasa Melayu? Persoalan ini akan menganalisis kecenderungan penggunaan bahasa lain dalam interaksi harian oleh pelajar selain Bahasa Melayu meninjau kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Persepsi Terhadap Bahasa Melayu**

Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar pendidikan. Dalam konteks keseluruhannya, penggunaan bahasa Melayu sepatutnya tidak boleh diganggu lantas menjadi medium penting dalam mewujudkan keharmonian dan mengukuhkan perpaduan masyarakat di Malaysia (Irma Wani *et al.*, 2021). Di sini, fungsi bahasa bukan hanya menjadi alat komunikasi dan interaksi antara penuturnya, malah membentuk jati diri, integrasi dan maruah masyarakat penuturnya selain mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi adab susilanya (Zamri, 2022).

Walau bagaimanapun, fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan boleh tergugat disebabkan oleh mentaliti dan stigma masyarakat terhadap keupayaan bahasa sendiri. Ammar Asuraf dan Sa'adiah (2020) dalam kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat golongan pelajar di Singapura yang bersikap negatif terhadap bahasa Melayu. Golongan yang menunjukkan sikap negatif terhadap bahasa Melayu adalah dalam kalangan atau golongan ahli keluarga elit dan menganggap bahasa Melayu tiada nilai prestij yang tinggi berbanding bahasa Inggeris. Namun, jumlahnya adalah sedikit berbanding jumlah pelajar yang bersikap positif. Terdapat juga sebilangan pelajar yang menunjukkan pengamalan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu. Sikap yang positif ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu semakin mendapat tempat dan kedudukan yang tinggi dalam kalangan pelajar bangsa Melayu di Singapura. Walaupun diwajibkan mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan, namun para pelajar ini masih tetap fasih dan mahu menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Para pelajar ini dilihat masih mengekalkan bahasa Melayu serta memiliki sikap yang prihatin dan positif dalam diri. Dalam hal ini, perkara yang sama seharusnya dipamerkan oleh pelajar-pelajar berbilang etnik di Malaysia, iaitu bersemangat lebih cinta dan sayangkan bahasa Melayu. Walaupun Singapura dimonopoli oleh penggunaan bahasa Inggeris, namun masih wujud pelajar berbilang etnik di negara itu yang masih menghargai bahasa Melayu.

### **Penjagaan Kualiti dan Mutu Bahasa Melayu**

Penguasaan kosa kata, tatabahasa dan seni berbahasa yang semakin terhakis dalam masyarakat akan memberi pengaruh kepada pembinaan dan keutuhan jati diri dalam diri seseorang yang bakal memberi akibat kepada usaha Malaysia dalam membina negara bangsa yang lebih bertamadun. Dalam hal ini, masyarakat Malaysia perlulah komited dalam menggembelng tenaga untuk memastikan kelangsungan bahasa Melayu yang tinggi dan bermutu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi. Kewujudan aneka bentuk kerancuan bahasa yang boleh mencacatkan mutu bahasa Melayu perlu dikekang. Ahmad Fuad Mat Hassan *et al.* (2020) menyatakan bahawa aliran pertuturan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

merupakan satu cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu dan penggunaan bahasa kebangsaan.

Dalam keghairahan menggunakan *Facebook*, rakyat Malaysia ini sering menggunakan percampuran bahasa atau bahasa rojak dalam kehidupan harian. Hal ini menunjukkan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu di laman sosial dan membuktikan bahawa masalah bahasa rojak di laman sosial perlu dilihat dengan lebih serius agar bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan ke kedudukan yang sepatutnya. Di sebalik penekanan terhadap bahasa Inggeris, bahasa Melayu mempunyai peranan yang amat penting dalam konteks abad ke-21. Sikap yang lebih praktikal dan lebih sihat ialah pendirian menang-menang, yang membawa erti mendaulatkan bahasa kebangsaan tetapi tidak mengabaikan bahasa Inggeris (Noor Azmira & Nor Azlili, 2019).

### **UKM dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan**

Dalam konteks penerapan bahasa di institusi pendidikan tinggi, Fariza Md. Sham (2018) mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu masih belum dilaksanakan sepenuhnya dalam urusan rasmi dan komunikasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pengurusan dan pentadbiran turut terkesan kerana tiada satu garis panduan secara khusus berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di UKM.

Sebagai universiti awam yang mengumpulkan sarjana dan ilmuan, perkembangan ilmu dalam bahasa Melayu lebih cepat dikembangkan sekiranya penggunaan bahasa Melayu dapat dibudayakan oleh para ilmuan dalam penerbitan ilmiah dan pengajaran serta pembelajaran. Situasi ini akan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi dalam konteks penyebaran ilmu (Mohd. Sohaimi Esa *et al.*, 2021). Penggunaan bahasa Melayu di UKM dalam pengurusan dan pentadbiran menyokong UKM untuk memartabatkan bahasa Melayu dan juga sebagai bahasa ilmu. Malah ia juga boleh menjadi satu mekanisme untuk perpaduan dan semangat kekitaan (Nur Nadia, 2020)

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai teknik pengumpulan data. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bilangan sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah seramai 284 orang pelajar prasiswazah berbilang etnik yang dipilih secara rawak melalui persampelan mudah. Para pelajar ini mengikuti bidang pengajian berbeza di UKM.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Instrumen soal selidik dipilih untuk mendapatkan maklumat dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala, 2017).

Pengedaran borang soal selidik dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form*. Tinjauan secara digital dipilih kerana penggunaannya adalah sangat popular dalam penyelidikan masa ini. Di samping itu, pengedaran borang boleh dilakukan secara maya hanya menggunakan pautan yang tersedia dan mampu mencapai jumlah responden yang maksimum dengan cepat dan mudah (Raja, 2018). Pemilihan responden melibatkan pelajar-pelajar Melayu yang sedang mengikuti kursus-kursus elektif di Pusat Pengajian Citra UKM dalam Semester II bagi sesi 2019/2020. Aplikasi permesejan *Whatsapp* serta

*Telegram* telah dipilih sebagai medium perantara yang bertindak sebagai platform hebahan mengenai tujuan dan matlamat kajian ini dilaksanakan. *Group whatsapp* serta *Telegram* telah ditubuhkan oleh guru-guru Bahasa dan akan dikategorikan sebagai set-set soal selidik. Set-set ini akan diselia sepenuhnya oleh para guru dan guru akan bertanggungjawab sebagai pentadbir kepada kumpulan dan perlu membawa masuk pelajar masing-masing ke dalam kumpulan supaya pautan *Google Form* dapat dikongsi dan diedarkan kepada responden mengikut sasaran yang telah digariskan.

Soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A (maklumat diri pelajar) yang mempunyai enam soalan, Bahagian B (Bahasa Melayu dalam urusan harian) yang merangkumi 12 soalan, Bahagian C (Bahasa Melayu dalam urusan rasmi) yang mengandungi 10 soalan, dan bahagian D (Bahasa Melayu dalam kegemaran) yang mempunyai lapan soalan. Walaupun begitu, hanya Bahagian A dan Bahagian B yang akan difokuskan dan dibincangkan dalam kajian kali ini, disebabkan oleh fokus penulisan ini yang membincangkan corak penggunaan bahasa Melayu dalam konteks urusan harian. Kala Likert lima mata digunakan bagi menunjukkan tahap kesetujuan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar Melayu. Skala Likert itu diperincikan sebagai 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan dan membincangkan dapatan kajian yang berfokus kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar berbilang etnik di UKM ketika berkomunikasi dalam situasi harian.

**Jadual 1** Dapatan Demografi Peserta Kajian

Profil	Keterangan	Kesetujuan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	69	24.3
	Perempuan	215	75.7
Umur	19-20	63	22.2
	21-22	175	61.6
	23-24	41	14.4
	25 ke atas	5	1.8
Etnik	Melayu	250	88.0
	Cina	12	4.2
	India	8	2.8
	Bumiputera	10	3.5
	Lain-lain	4	1.4
Fakulti	Fakulti Ekonomi & Pengurusan	45	15.8
	Fakulti Pengajian Islam	51	17.9
	Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan	82	28.9
	Kampus KL (FGG, FFAR, FSK, FPER)	9	3.2
	Fakulti Pendidikan	15	5.3
	Fakulti Undang-Undang	6	2.1
	Fakulti Kejuruteraan	7	2.5
	Pusat Pengajian Citra	27	9.5
	Fakulti Teknologi & Sains Maklumat	8	2.8
	Fakulti Sains Teknologi	34	11.9
Jumlah		284	100%

Berdasarkan dapatan demografi dalam Jadual 1 di atas, sebanyak 75.7% (215 orang) pelajar perempuan dan 24.3% (69 orang) pelajar lelaki daripada jumlah keseluruhan 100% (284 orang) responden terlibat dalam menjawab soal-selidik. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 61.6% (175 orang) orang daripada pelajar berada dalam lingkungan umur 21 hingga 22 tahun, manakala hanya 1.8% (5 orang) responden sahaja yang mencapai usia 25 tahun dan ke atas. Taburan data fakulti menunjukkan bahawa 284 responden kajian ini dari fakulti serta bidang pengajian yang pelbagai, dan bukan hanya tertumpu kepada satu bidang atau fakulti. Nilai tertinggi dicatatkan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dengan 28.9% (89 orang) responden, diikuti oleh Fakulti Pengajian Islam (FPI) dengan 17.9% (51 orang). Nilai terendah dicatatkan oleh Fakulti Undang-Undang (FUU) dengan hanya 2.1% (1 orang).

Objektif I – Meninjau Kesetujuan Penggunaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Berbilang Etnik UKM dalam Interaksi Harian bersama Orang Sekeliling seperti Keluarga dan Kawan-Kawan

**Jadual 2(a)** Peratusan Penggunaan Bahasa Melayu bersama Orang Sekeliling

Item	Kenyataan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
P1	Saya menggunakan Bahasa Melayu ketika bersama ahli keluarga terdekat	240 84.5%	23 8.1%	12 4.2%	9 3.2%	0 0
P2	Saya biasa menggunakan Bahasa Melayu bersama datuk, nenek atau warga tua	247 87%	13 4.6%	9 3.2%	9 3.2%	6 2.1
P3	Saya selalu menggunakan Bahasa Melayu ketika bersama rakan dan kenalan	183 64.4%	77 27.1%	22 7.7%	2 0.7%	0 0
P4	Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu dalam interaksi bersama individu tidak dikenali	157 55.3%	92 32.4%	30 10.6%	4 1.4%	0 0
P5	Saya menggunakan Bahasa Melayu ketika berinteraksi bersama jiran dan komuniti	231 81.3%	44 15.5%	3 1.1%	4 1.4%	2 0.7%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK1 : Bagaimanakah tahap kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar berbilang bangsa UKM dalam interaksi harian bersama keluarga dan kawan-kawan?

Berdasarkan Jadual 2(a), peratusan tinggi 80% dan ke atas bagi skala 'sangat setuju' untuk berbahasa Melayu dicatatkan pada item P2 iaitu Saya biasa menggunakan Bahasa Melayu bersama datuk, nenek atau warga tua dengan 87% atau 247 orang; P1 iaitu *Saya menggunakan Bahasa Melayu ketika bersama ahli keluarga terdekat* dengan 84.5% atau 240 orang dan item P5 iaitu *Saya menggunakan Bahasa Melayu ketika berinteraksi bersama jiran dan komuniti* dengan 81.3% atau 231 orang serta. Skor peratusan terendah bagi skala tersebut dicatatkan oleh item P4 iaitu *Saya selesa menggunakan Bahasa Melayu dalam interaksi bersama individu tidak dikenali* dengan 55.3% atau 157 orang responden sahaja. Jadual tersebut juga mencatatkan nilai peratusan bagi skala 'Tidak pasti' dan 'Tidak setuju' bagi kesemua item. Skor peratusan tertinggi bagi kesetujuan Tidak pasti turut dicatatkan pada item P4 dengan nilai 10.6% atau 30 orang responden, manakala 1.4% atau 4 orang bagi kesetujuan tidak setuju menggunakan Bahasa Melayu untuk item yang sama. Nilai peratusan tertinggi bagi kesetujuan tidak setuju menggunakan Bahasa Kebangsaan dicatatkan oleh item P1 dan P2 dengan masing-masing 3.2% atau 9 orang responden.

Skor bagi skala Sangat tidak setuju menggunakan bahasa Melayu bersama orang sekeliling dicatatkan oleh item P2 dengan 2.1% (6 orang) serta P5 dengan 0.7% (2 orang).

Objektif II – Mengkaji Kesetujuan Penggunaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Berbilang Etnik di UKM dalam Urusan Harian di Tempat Awam

**Jadual 2(b)** Peratusan Penggunaan Bahasa Melayu di Lokasi Awam

Item	Kenyataan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
P6	Saya menggunakan bahasa Melayu ketika berurusan di pasar raya atau pusat beli-belah.	165 58.1%	97 34.2%	20 7.0%	2 0.7%	0
P7	Saya menggunakan bahasa Melayu ketika berurusan di kedai atau di pasar harian.	229 80.6%	52 18.3%	3 1.1%	0	0
P8	Saya berbahasa Melayu ketika berurusan di klinik atau di bilik doktor.	197 69.4%	69 24.3%	16 5.6%	1 0.4%	0
P9	Saya berbahasa Melayu ketika berinteraksi dengan rakan sekelas di kampus	189 66.5%	81 28.5%	13 4.6%	1 0.4%	0
P10	Saya berbahasa Melayu ketika berinteraksi bersama kakitangan UKM di dalam kampus	222 78.2%	55 19.4%	2 0.7%	0	5 1.8%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK2 : Bagaimanakah tahap kesetujuan penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar UKM dalam urusan harian di tempat awam?

Berdasarkan Jadual 2(b), peratusan tinggi 80% dan ke atas bagi kesetujuan berbahasa Kebangsaan pada sangat setuju dicatatkan pada item P7 iaitu *Saya menggunakan bahasa Melayu ketika berurusan di kedai atau di pasar harian*. dengan 80.6% atau 229 responden. Nilai peratusan kedua tertinggi dicatat oleh item P10 iaitu *Saya berbahasa Melayu ketika berinteraksi bersama kakitangan UKM di dalam kampus* dengan 78.2% atau 222 responden. Skor peratusan terendah bagi kesetujuan ini dicatatkan oleh item P6 iaitu *Saya menggunakan bahasa Melayu ketika berurusan di pasar raya atau pusat beli-belah* dengan 58.1% atau 165 orang responden sahaja.

Jadual tersebut juga mencatatkan nilai peratusan bagi skala ‘Tidak pasti’ untuk semua item pernyataan, di samping ‘Tidak setuju’ dan ‘Sangat tidak setuju’ bagi beberapa item. Skor peratusan tertinggi bagi kesetujuan tidak pasti dicatatkan pada item P6 dengan nilai 7.0% atau 20 orang responden, manakala 0.7% atau 2 orang bagi kesetujuan tidak setuju menggunakan Bahasa Kebangsaan juga dicatatkan oleh item yang sama, yang juga merupakan nilai tertinggi bagi skala tersebut. Nilai peratusan bagi skala sangat tidak setuju menggunakan Bahasa Kebangsaan dicatatkan oleh item P10 dengan 1.8% atau 5 orang responden.



Objektif III – Meneliti Kecenderungan Penggunaan Bahasa Lain dalam Interaksi Harian oleh Pelajar selain Bahasa Melayu

**Jadual 2(c)** Kecenderungan Penggunaan Bahasa Lain selain Bahasa Melayu

Item	Kenyataan	Kecenderungan Bahasa Lain	
P1	Penggunaan Bahasa Melayu bersama keluarga terdekat	Bahasa Inggeris – 8 (2.8%) Bahasa Cina – 8 (2.8%)	Bahasa Tamil – 2 (0.7) Bahasa Etnik – 3 (1.0%)
P2	Penggunaan Bahasa Melayu bersama datuk, nenek dan warga tua	Bahasa Inggeris – 7 (2.5%) Bahasa Cina – 8 (2.8%)	Bahasa Tamil – 5 (1.8%) Bahasa Etnik – 4 (1.4%)
P3	Penggunaan Bahasa Melayu bersama rakan dan kenalan	Bahasa Inggeris – 15 (5.3%) Bahasa Cina – 2 (0.7%)	Bahasa Tamil – 3 (1.0%) Bahasa Arab – 4 (1.4%)
P4	Penggunaan Bahasa Melayu bersama individu tidak dikenali	Bahasa Inggeris – 21 (7.4%) Bahasa Cina – 4 (1.4%)	Bahasa Tamil – 4 (1.4%) Bahasa Etnik – 5 (1.8%)
P5	Penggunaan Bahasa Melayu bersama jiran dan komuniti	Bahasa Inggeris – 7 (2.5%) Bahasa Cina – 0	Bahasa Tamil – 0 Bahasa Etnik – 2 (0.7%)
P6	Penggunaan Bahasa Melayu di pasar raya atau pusat beli-belah	Bahasa Inggeris – 20 (7.0%) Bahasa Cina – 1 (0.4%)	Bahasa Tamil – 1 (0.4%) Bahasa Etnik – 0
P7	Penggunaan Bahasa Melayu di kedai atau pasar harian	Bahasa Inggeris – 0 Bahasa Cina – 1 (0.4%)	Bahasa Tamil – 0 Bahasa Etnik – 2 (0.7%)
P8	Penggunaan Bahasa Melayu di klinik atau di bilik doktor	Bahasa Inggeris – 15 (5.3%) Bahasa Cina – 1 (0.4%)	Bahasa Tamil – 1 (0.4%) Bahasa Etnik – 0
P9	Penggunaan Bahasa Melayu bersama rakan sekelas di kampus	Bahasa Inggeris – 14 Bahasa Cina – 0	Bahasa Tamil – 0 Bahasa Etnik – 0
P10	Penggunaan Bahasa Melayu bersama kakitangan universiti di kampus	Bahasa Inggeris – 7 (2.5%) Bahasa Cina – 0	Bahasa Tamil – 0 Bahasa Etnik – 0

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK3 : Apakah kecenderungan bahasa lain yang digunakan dalam interaksi pelajar selain Bahasa Melayu?

Dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar, para responden dikehendaki untuk menyatakan kecenderungan penggunaan bahasa selain bahasa Melayu yang digunakan dalam semua pernyataan, jika responden memilih skala kesetujuan selain ‘Sangat setuju’ dan ‘Setuju’. Berdasarkan jadual 2(c), bahasa Inggeris dilihat memonopoli semua pernyataan dengan nilai tertinggi, kecuali item P2 (Penggunaan Bahasa Melayu bersama datuk, nenek dan warga tua) yang dimonopoli oleh bahasa Cina dengan 2.8% (8 orang). Nilai peratusan tertinggi penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi bersama orang sekeliling adalah pada pernyataan P4 (Penggunaan Bahasa Melayu bersama individu tidak dikenali) dengan 7.4% atau 21 orang. Nilai kedua tertinggi bagi bahasa Inggeris pula dicatatkan oleh pernyataan P3 (Penggunaan Bahasa Melayu bersama rakan dan kenalan) dengan 5.3% atau 15 orang.

Nilai peratusan tertinggi penggunaan bahasa Inggeris dalam konteks komunikasi di lokasi awam pula pada pernyataan P6 (Penggunaan Bahasa Melayu di pasar raya atau pusat beli belah) dengan 7.0% atau 20 orang. Item P8 (Penggunaan Bahasa Melayu di klinik atau di bilik doktor) pula berada pada tangga nilai kedua tertinggi dengan 5.3% atau 15 orang. Selain bahasa Inggeris dan bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa/dialek etnik bumiputera Sabah dan Sarawak seperti Kenyah, Bajau dan Dusun turut menjadi pilihan kecenderungan. Lebih menarik lagi, item P3 (Penggunaan Bahasa Melayu bersama rakan dan kenalan) mengandungi satu bahasa pilihan kecenderungan pelajar iaitu bahasa Arab (1.4% atau 4 orang).

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang telah dibentangkan pada bahagian sebelum ini telah menyatakan beberapa gagasan penting iaitu, pertama, penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi harian responden bersama keluarga dan rakan adalah tinggi dalam situasi bersama ibu bapa dan jiran tetangga. Tinggal dan membesar dalam suasana keluarga dan masyarakat Melayu, kebanyakan responden memiliki bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Ibu bapa sebagai sumber pemerolehan bahasa, dan mereka dikelilingi jiran tetangga berbangsa Melayu yang menjadikan para pelajar selesa bertutur dalam bahasa Melayu.

Gagasan kedua, kesetujuan penggunaan bahasa Melayu dalam situasi komunikasi bersama orang baharu atau tidak dikenali adalah kurang berbanding situasi yang lain. Berdasarkan maklum balas secara tidak langsung, beberapa responden menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan bahasa kebangsaan secara sepenuhnya ketika berkomunikasi dengan individu di luar kerana kewujudan variasi bahasa pasar serta kepelbagaian masyarakat di luar yang berbeza kaum dan bahasa ibunda menyebabkan campur aduk antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris serta bahasa pasar adalah perkara biasa.

Gagasan ketiga, penggunaan bahasa Melayu di kedai dan pasar malam adalah paling tinggi berbanding situasi tempat awam lain. Situasi yang memperlihatkan kebanyakan peniaga pasar malam berbangsa Melayu serta peniaga kedai yang bertutur dalam bahasa Melayu menjadikan penggunaan Bahasa Kebangsaan di lokasi-lokasi ini adalah pada tahap tinggi. Gagasan keempat, penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam komunikasi di pusat beli belah adalah yang paling rendah peratusan berbanding lokasi lain. Berbeza dengan pasar malam dan kedai runcit biasa yang dinaungi oleh peniaga Melayu, pekerja dan kakitangan di pusat beli belah terdiri daripada individu berbeza kaum dan bahasa ibunda. Dalam konteks ini, responden berpendapat penggunaan bahasa alternatif ialah keperluan untuk memudahkan urusan jual beli.

Gagasan kelima, bahasa Inggeris ialah bahasa alternatif yang menjadi pilihan responden yang tidak menggunakan bahasa Melayu. Dalam hal ini, responden yang memilih skala 'Setuju', 'Kadang-Kadang', 'Tidak setuju' atau 'Sangat tidak setuju' memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa alternatif. Ada juga yang menyatakan bahasa lain seperti dialek utara dan dialek Pantai Timur, namun kedua-duanya ialah variasi daripada bahasa Melayu dan tidak dianggap sebagai bahasa asing.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar berbilang etnik Universiti Kebangsaan Malaysia bukanlah di tahap yang membimbangkan memandangkan nilai 70% dan ke atas berjaya dicatatkan pada skala kesetujuan 'Sangat setuju' untuk kebanyakan item situasi. Namun, keberadaan nilai dan peratusan pada skala Tidak Pasti, Tidak Setuju serta Sangat Tidak Setuju menunjukkan bahawa masih ada pelajar Melayu yang tidak menggunakan bahasa Melayu atau memiliki kadar penggunaan bahasa lain yang melebihi bahasa ibunda sendiri. Sesungguhnya, kadar peratusan kecil ini perlu ditangani agar tiada pelajar mahupun orang Melayu yang malu untuk berbahasa kebangsaan. Langkah proaktif oleh institusi pengajian tinggi yang menaungi pelajar untuk bergerak lebih aktif dalam membudayakan bahasa Melayu dalam penggunaan harian perlu diwujudkan, disusun serta dilaksanakan sebagai satu bentuk usaha untuk membangunkan imej masyarakat Malaysia yang megah menggunakan bahasa Melayu.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengirimkan kalungan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pelajar prasiswazah Universiti Kebangsaan Malaysia yang terlibat dalam kajian ini, di samping pengurusan serta pentadbiran Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM yang memberi kerjasama penuh dalam kajian yang telah dijalankan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam kalangan pelajar universiti. *Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 410–427.
- Ammar Asyraf Mansor & Sa'adiyah Ma'alip. (2020). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1–17.
- Berita Harian. (2024). Kekangan bahasa jadi isu di agensi kerajaan. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2024/01/1196345/kekangan-bahasa-masih-jadi-isu-di-agensi-kerajaan-pada-29-Ogos-2024>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Kenyataan Media. Dicapai dari <https://x.com/DBPMalaysia/status/1810929657933615322/photo/1> pada 29 Ogos 2024.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing questionnaire base on selection and designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 1–3.
- Fariza Md. Sham, Rohana Tan & Mohd Najid Adun. (2018). Penggunaan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(1), 176–197.
- Irma Wani Othman, Mohd. Khairi Lebai Ahmad, & Mohd. Sohaimi Esa. (2022). Empowering the sustainability of the Malay languages as a communication transmission and element of identity. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7(29), 216–237.
- Irma Wani Othman *et al.* (2021). Pembudayaan konotasi “bahasa jiwa bangsa”: Refleksi identiti kebangsaan ke arah sinergi solidariti dan harmonisasi rakyat Malaysia. *International Journal of Education, Psychology & Counseling*, 6(41), 55–75.
- Mohd. Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Mohd. Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusof, Habibah Artinie Ramli dan Abang Mohd Razif Abang Muis. (2021). Volusi kursus teras universiti: Dari sejarah pembentukan bangsa Malaysia ke penghayatan etika dan peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 166–181.

- Mohd. Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman & Herlina Jupiter. (2021). Isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di ambang kemerdekaan tanah Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 111–125.
- Muhammad Safuan Yusoff *et al.* (2021). Penguasaan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi mahasiswa institusi pengajian tinggi malaysia: suatu penelitian cakna bahasa negara berbilang kaum. *International Journal of Education, Psychology & Counseling*, 6(41), 38–54.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Penguakuan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19–28.
- Noor Rohana Mansor & Hamdan Azmi Abd. Aziz. (2014). Bahasa Melayu dalam bidang Sains dan Teknologi di Institusi Pengajian Tinggi Negara. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nur Nadia Lukmanulhakim. (2020). Kaedah pembentukan identiti nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 1–9.
- Raja, T. (2018). Online tools for data collection. In *Education 5.0: Perspectives and Previews*. Tamil Nadu: Tamil Nadu: St. Xavier's College of Education.
- Ying, L. J *et al.* (2024). Persepsi guru terhadap pengaruh bahasa ibunda semasa pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah jenis kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 1–18.
- Zamri Mahamod. (2022). *Linguistik terapan dan pengajaran bahasa*. Edisi Kedua. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.